

07/08/1997

Memaksimum potensi pertanian

Shamshul Azree Samshir

NEGARA tidak melupakan nasib petani yang masih membanting tulang empat kerat di bendang dalam kehangatan semua pihak berbicara mengenai teknologi maklumat dan mengorak langkah menuju alaf baru dengan penekanan kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sektor pertanian tidak diketepikan, malah usaha membangunkan sektor ini berterusan. Langkah kerajaan mengkaji semula Dasar Pertanian Negara 1992-2010 adalah satu komitmen untuk memperhebatkan usaha membangunkan sektor ini dan meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan.

Negara memerlukan dasar baru yang dapat merencana strategi dan fokus pembangunan pertanian mengikut rentak dan arus perubahan teknologi dalam sektor ini. Cara lama perlu digembleng dengan pendekatan baru melalui penggunaan teknologi.

Menurut laporan Kementerian Pertanian dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sektor pertanian berkembang pada kadar dua peratus setahun. Peratusan dikatakan lebih rendah daripada sasaran yang dipinda iaitu 2.1 peratus. Antara punca kemerosotan yang dikenal pasti kerajaan ialah kekurangan buruh, kepupusan sumber pertanian, kekurangan tanah yang sesuai dan harga rendah komoditi tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6 Mei tahun lalu berkata langkah kerajaan meminda Dasar Pertanian Negara sebagai bertujuan mengalih tumpuan pembangunan pertanian ke arah peningkatan produktiviti dalam penggunaan sumber pertanian dan laut.

Perdana Menteri berkata, pembangunan sektor pertanian akan memberi tumpuan kepada bidang yang mempunyai kelebihan bersaing dan menawarkan pulangan yang tinggi. Penanaman tanaman yang bernilai tinggi serta pengembangan aktiviti akuakultur termasuk kegiatan pemeliharaan ikan dalam laut juga akan diberi penekanan yang lebih kerana ia mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan. Ini termasuk penyertaan sektor swasta bagi menyediakan sokongan yang diperlukan melalui perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat.

Di antara pendekatan yang akan dimantapkan dalam pembentukan dasar baru itu ialah langkah meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam sektor pertanian secara berskala besar terutama dalam pengeluaran komoditi makanan dan keluaran komoditi yang bernilai tinggi.

Bagi memastikan usaha ini mencapai kejayaan yang dihasratkan, kerajaan akan menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat serta memberi bantuan lain dan sokongan yang perlu.

Yang menariknya, dasar pertanian yang baru atau dikenali sebagai DPN3 akan buat pertama kalinya mengemukakan Dasar Makanan Negara yang akan menggariskan arah haluan pengeluaran makanan negara dari segi kuantiti dan kualiti. DPN3 akan juga antara lain menggariskan dengan terperinci dasar mengenai pengeluaran bahan makanan utama serta arah haluan strategik pengeluaran dan tahap sara diri, keselamatan makanan yang dihasratkan, industri sokongan dan penyusunan semula institusi pertanian.

Industri berasaskan pertanian yang akan dinyatakan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) akan turut diambil kira untuk membangunkan empat sektor kecil iaitu perikanan terutama akuakultur, penternakan, hortikultur dan florikultur.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata selain itu, kementerian akan memastikan sektor pertanian terutama sektor kecil makanan

akan memainkan peranan yang lebih penting pada masa depan kerana keperluan makanan dijangka meningkat dengan pesatnya.

Sebagai contoh, bekalan beras negara haruslah ditampung sebanyak yang mungkin dari dalam negara sendiri kerana bekalan dari luar negara adalah tidak terjamin terutama pada masa kecemasan.

Jika negara pengeluar besar seperti China, India dan Indonesia mengalami masalah dan mula mengimport beras, ini sudah tentu akan menjejaskan penawaran beras dunia. Oleh kerana itu dasar yang diamalkan sebelum ini sudah menetapkan bekalan beras untuk menampung keperluan negara pada tahap 65 peratus. Begitu juga dengan komoditi makanan lain seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil perikanan dan ternakan yang akan dipastikan pengeluarannya meningkat.

Untuk menambah pengeluaran makanan dalam negara, Kementerian Pertanian akan mengambil langkah seperti berikut:

- * Mengezon kawasan pertanian yang sesuai di setiap negeri untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran akuakultur, sayur-sayuran dan buah-buahan.

- * Mempergiatkan lagi aktiviti pengembangan dalam projek berkelompok/mini estet dalam usaha untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran buah-buahan.

- * Meningkatkan pembangunan projek perikanan laut dalam dan meningkatkan infrastruktur di kompleks pendaratan ikan di seluruh negara.

- * Mempertingkatkan penggunaan jentera bagi mengurangkan penggunaan buruh serta meningkatkan kemudahan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saluran, pencegahan banjir dan jalan ladang di semua kawasan jelapang padi.

- * Menggalakkan syarikat perladangan gergasi menceburkan diri dalam bidang pengeluaran makanan.

(END)